

**KUALA LUMPUR, Isnin.**— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan sedang mengkaji semua aspek harga gula pasir dan akan mengumumkan harga baru apabila diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, adalah sukar bagi Kerajaan menurunkan harga gula serta-merta sebaik saja harga gula mentah dunia turun.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata demikian ketika menjawab soalan bertulis Encik Seow Hun Khim (BN-Bukit Mertajam) di Dewan Rakyat, hari ini.

## Bebas

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, 66 peratus gula mentah datang melalui kontrak jangka panjang yang puratanya ialah \$90 satu metrik tan.

Dengan harga ini harga gula pasir (termasuk kos tapisan dan edaran) ialah 89 sen sekati, katanya lagi.

Menurutnya, 23 peratus dari gula mentah dibekal dari pasaran bebas.

Di waktu harga gula pasir ditetapkan pada paras \$1.05 sekati, harga gula mentah di pasaran

# Harga gula turun bila diluluskan — Mahathir

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

bebas ialah \$1.560 setan metrik.

Dengan harga ini, gula pasir sepatutnya dijual dengan harga \$1.30 sekati (termasuk kos tapis dan edar), tetapi oleh kerana gula kontrak jangka panjang murah, maka harga purata bolehlah ditetapkan pada paras \$1.05 sekati, tambahanya.

Beliau berkata harga gula mentah di pasaran dunia sekarang telah turun 44 peratus. Ini cuma melibatkan 23 peratus sahaja dari bekalan gula mentah.

Harga gula kontrak jangka panjang bagaimanapun tidak turun sama, jadi turunnya harga gula di pasaran bebas sebanyak 44 peratus tidak mungkin menyebabkan turunnya harga runcit juga sebanyak 44 peratus.

Di samping itu, kata beliau di waktu gula naik

harga, tuntutan oleh syarikat-syarikat gula supaya harga runcit dinaikkan tidak dilayan dengan segera. Ini menyebabkan syarikat gula menanggung kerugian.

Oleh itu adalah sukar bagi Kerajaan menurunkan harga gula secara serta-merta apabila sahaja harga gula mentah turun, jelasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, harga gula di pasaran tempatan ditentukan oleh empat faktor asas, iaitu:

● Harga gula mentah di bawah kontrak-kontrak jangka panjang dengan Australia dan Fiji.

● Harga gula mentah yang diimport dari pasaran dunia;

● Harga gula ladang gula tempatan; dan

● Kos 'freight' penapisan dan pengedaran gula.